

Dr Wan Azizah ucap selamat tinggal

BH
-26/2/2020
w/d: 9

Linangan air mata kakitangan KPWKM iringi perpisahan bekas TPM

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Suasana pilu menyelubungi kakitangan di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) semalam, apabila Datuk Seri Dr

Wan Azizah Wan Ismail datang mengucapkan selamat tinggal susulan pembatalan lantikan jawatannya, kelmarin.

Dr Wan Azizah yang memuat naik video perpisahan itu di akaun Facebook rasminya, dilihat bersalam-salaman dengan kakitangan kementerian yang diterajunya sejak Pakatan Harapan (PH) memenangi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) pada Mei 2018.

Beliau turut menitikkan air mata ketika memeluk dan menenangkan kakitangan yang bersehid dengan perpisahan itu.

Bekas Timbalan Perdana Menteri itu turut menitipkan entri



Dr Wan Azizah menyantuni kakitangan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sebelum meninggalkan pejabatnya di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

Sebelum mengundur diri, saya menyantuni warga pejabat Timbalan Perdana Menteri dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Dr Wan Azizah Wan Ismail,
Bekas Timbalan Perdana Menteri

ketika menyantuni kakitangan kementerian.

“Sebelum mengundur diri, saya menyantuni warga pejabat Timbalan Perdana Menteri dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

“Khidmat dan jasa bakti mereka sepanjang saya menggalas amanah sangat saya hargai,” katanya.

Terdahulu, Dr Wan Azizah dipercayai menghadiri satu majlis perpisahan yang diadakan di kementeriannya.

Beliau dan anaknya, Nurul Izzah Anwar, dilihat memasuki

Bangunan Perdana Putra pada jam 10.25 pagi dan beredar kira-kira sejam kemudian.

Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, kelmarin membatalkan pelantikan semua menteri atas nasihat Perdana Menteri.

Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Mohd Zuki Ali, dalam satu kenyataan berkata, perkara itu adalah selaras dengan peruntukan Perakara 43(5) Perlembagaan Persekutuan, seiring peletakan jawatan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri.